# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 15 JULAI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3 | EXECUTIVE COMMITTEE ON NATIONAL FOOD SECURITY POLICY HOLDS MAIDEN MEETING, SAYS MINISTER, MALAY MAIL -ONLINE<br>JAWATANKUASA EKSEKUTIF MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA ADAKAN MESYUARAT PERTAMA, BERNAMA -ONLINE<br>MINISTER URGED TO GET MORE ALLOCATION TO UPGRADE SABAH INFRASTRUCTURE, HOME, BORNEO POST (KK) -3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA) |
| 4. | PEKAN MUSHROOM INOVASI PRODUK CENDAWAN, BISNES SINAR, SH -29 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 5.<br>6. | BEDAH SIASAT TIGA BANGKAI KUCING, LOKAL, HM -8<br>SUSPEK KES BUNUH KUCING DIREMAN EMPAT HARI, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -22 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 7. | FISHERIES DEPT MISSES TARGET IN MARINE ZONE INSOECTION, HOME, BORNEO POST (KK) -7 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/7/2020 | MALAY MAIL | ONLINE | |

# Executive Committee on National Food Security Policy holds maiden meeting, says minister



Datuk Seri Ronald Kiandee speaks during a press conference in Parliament April 11, 2019. — Picture by Miera Zulyana

KUALA LUMPUR, July 14 — The Executive Committee on National Food Security Policy discussed various aspect of the committee's governance so that it is in line with the desire of the government to ensure the implementation of a more holistic and sustainable policy could be achieved.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ronald Kiandee who chaired the meeting said the executive committee comprised 17 permanent members including the ministry's secretary-general, heads of departments while agencies were responsible as coordinating committees to propose related strategies on national food security.

He also said others involved are academicians, industry players and non-governmental organisations (NGO) to propose strategies on national food security for consideration by the Cabinet Committee on National Food Security Policy which would be chaired by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Apart from that, the executive committee is also responsible for identifying government interventions to achieve the targeted objectives such as using the latest technologies, credit funding and high-value agricultural activities to make the agricultural sector as the main contributor of the country's economic growth.

"The executive committee would be assisted by four proposal clusters based on the dimensions outlined in the national food security framework which is availability, capability, security as well as stability and sustainability involving the mobilisation of the cabinet committee or any other existing groupings under the ministry and agencies," he said in a statement here today.

He said each proposal would be submitted by members of the executive committee for consideration by the Cabinet Committee On National Food Security which will meet on August 12 in Parliament. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/7/2020 | BERNAMA | ONLINE | |

# Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara adakan mesyuarat pertama



KUALA LUMPUR, 14 Julai -- Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara akan membincangkan aspek tadbir urus jawatankuasa tersebut, agar selaras dengan hasrat kerajaan memastikan pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Negara yang lebih holistik dan mampan dapat dicapai.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee yang mempengerusi mesyuarat itu berkata, jawatankuasa eksekutif itu terdiri daripada 17 ahli tetap, iaitu ketua setiausaha kementerian, ketua jabatan serta agensi yang bertanggungjawab sebagai jawatankuasa penyelaras, bagi mencadangkan strategi berkaitan sekuriti makanan negara.

Jelasnya turut terlibat adalah ahli akademik, pemain industri dan badan bukan kerajaan (NGO), juga mencadangkan strategi berkaitan sekuriti makanan negara untuk dipertimbangkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara, yang akan dipengerusikan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin kelak.

"Selain itu, jawatankuasa eksekutif ini juga bertanggungjawab mengenal pasti intervensi kerajaan, bagi mencapai objektif yang disasarkan, seperti penggunaan teknologi terkini, pembiayaan kredit dan aktiviti pertanian yang mempunyai nilai tinggi, bagi menjadikan sektor pertanian antara penyumbang utama, pertumbuhan ekonomi negara.

"Jawatankuasa eksekutif ini akan dibantu empat cadangan kluster, berdasarkan dimensi yang digariskan dalam kerangka sekuriti makanan negara, iaitu ketersediaan, kemampuan, keselamatan serta kestabilan dan kemampanan, bakal melibatkan mobilisasi Jawatankuasa Kabinet atau majlis sedia ada di bawah kementerian dan agensi," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, setiap saranan yang diketengahkan ahli jawatankuasan eksekutif itu akan dipertimbangkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara, yang akan bersidang pada 12 Ogos di Parlimen.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministers urged to get more allocation to upgrade Sabah infrastructure | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 15 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 3 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 413 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,303 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,908 |



# Ministers urged to get more allocation to upgrade Sabah infrastructure

**KOTA KINABALU:** Liberal Democratic Party (LDP) Central Youth Movement has urged the six federal ministers and deputy ministers from Sabah to secure more allocation to upgrade the basic infrastructure in the State to prove they are not merely window dressing.

The youth leader, Sim Fui, said six out of the 70 federal cabinet members led by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin were Sabahans.

"Our Sabahan ministers and deputy ministers should have the advantage to secure more allocation or policies that benefit the people.

"This is what the people of Sabah expect our leaders do at the federal level."

The six Sabahans in the federal cabinet are Minister in the Prime Minister's Department (Sabah and Sarawak Affairs) Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili, Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Arthur Joseph Kurup, Minister of Agriculture and Food Industries Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Deputy Minister of Tourism, Culture and Art Datuk Dr Jeffrey Kitingan, Deputy Minister of Home Affairs Jonathan Yasin and Deputy Minister of Finance Datuk Abdul Rahim Bakri.



No solution in sight for the abandoned skybridge project.

He said the portfolios held by the six Sabahan leaders were pertinent to the needs of the State.

"They could effectively improve the wellbeing of Sabahans.

"Sadly, some of them are more interested on harping in the media about the track record of the Federal Government over the past few months instead of giving specifics about how they have managed to fight for better things for Sabahans."

Sim said having 'inside men' in the government, particularly for the Sabah and Sarawak affairs, Agriculture and Food Industries, Tourism, Home Affairs and Finance portfolios, would have made it easy to address the perennial problems in the State, but that was not the case.

For instance, he said the skybridge project near Api Api Centre has become another white elephant project in Kota Kinabalu.

He said the abandoned project not only tarnished the beauty of the city but was also an eyesore to passers-by.

Sim said the skybridge

| Headline | Ministers urged to get more allocation to upgrade Sabah infrastructure | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 15 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 3 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 413 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,303 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,908 |



Sim

project had gone through three governments with no solutions in sight.

"The initial reason given was that the developer has gone bankrupt and hence the government was unable to release the outstanding balance.

"The issue subsequently turned into a blame game between the previous federal government and the state government."

He said it was high time for the six Sabahan federal ministers and deputy ministers to prove their worth by resolving the issue, instead of enjoying air-conditioning in their fancy offices and turn a blind eye to problems affecting the people.

He said what Sabahans did not want was a project that could benefit the people being politicized and eventually put aside.

Sim added that many economic sectors in Sabah, particularly the services and tourism industries, were in dire need of federal assistance to help them overcome these challenging times during the Recovery Movement Control Order (RMCO) phase.

He said that the government must not be listen solely to a call by certain quarters to raise the minimum wage as the move could cripple businesses that were already struggling to survive.

"While the minimum wage policy augur well for wage earners, the proposal to raise the minimum salary should only be considered when businesses have recovered from the economic impact of Covid-19."

He hoped that the Sabahan federal ministers and deputy ministers would play their role effectively, not only to ensure the rights due to Sabah were restored, but also to improve the interests and wellbeing of businesses and people in the State.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/7/2020 | SINAR HARIAN | BISNES SINAR | 29 |

# Pekan Mushroom inovasi produk cendawan



Ahmad Mokhtar memetik cendawan yang diusahakannya di Kampung Panchor, Pekan, Pahang.

**Ambil inisiatif hasilkan sambal hitam, acar buah dan murtabak daripada tanaman kulat berkenaan**

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN BIN NIK MIN

14 #KEKAL NEUTRAL Sinar

14 TAHUN #KEKALNEUTRAL

Pekan Mushroom Resources Sdn Bhd mengambil langkah ke depan menghasilkan sambal hitam, acar buah dan murtabak dengan menggunakan cendawan yang ditanam di Kampung Panchor, Pekan, Pahang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Mokhtar Daud, 46, berkata, inisiatif berkenaan diambil bagi mengatasi masalah lambakan tanaman cendawan diusahakan sejak empat tahun lalu.

"Inovasi mempelbagaikan produk cendawan ini timbul kerana kami mahu memanjangkan jangka hayat cendawan di samping memenuhi permintaan pasaran yang lebih pelbagai," katanya kepada *Bisnes Sinar*.

Beliau berkata, syarikatnya itu mengambil masa hampir setahun untuk mencari resipi sesuai bagi menghasilkan inovasi cendawan yang dipasarkan dengan menggunakan jenama Siffu Mushroom itu.



Ahmad Mokhtar menunjukkan tiga inovasi produk cendawan keluaran syarikatnya yang menggunakan jenama Siffu Mushroom.

"Setakat ini produk berkenaan dihasilkan di kilang milik pengusaha lain dan jumlah pengeluarannya agak terhad iaitu kira-kira 2,000 botol manakala murtabak cendawan pula jumlah pengeluarannya sekitar 2,500 sebulan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, produk dihasilkan itu masih belum dipasarkan secara menyeluruh susulan penularan koronavirus (Covid-19).

"Insya-ALLAH, produk ini akan berada di pasaran tidak lama lagi menerusi pasar raya dan pengedar.

"Harga runcit yang kami tetapkan ialah sambal hitam dan acar cendawan RM17 sebotol manakala murtabak pula RM13 (dua keping).

Semua produk dihasilkan memiliki sijil halal dan pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).

Pengeluarannya akan dilakukan secara besar-besaran apabila kilang milik Pekan Mushroom ang baru sahaja disiapkan memulakan operasinya tidak lama lagi.

Selain tiga produk inovasi yang dinyatakan itu, syarikat berkenaan juga merancang mengeluarkan pekasam menggunakan cendawan.

Dalam pada itu, Ahmad Mokhtar berkata, syarikatnya itu juga ada membekalkan bongkah serta peralatan untuk menanam cendawan.

**Tawar kursus**

Tidak cukup dengan itu, beliau berkata, syarikatnya turut menyediakan kursus kepada mereka yang berminat menjana pendapatan melalui tanaman cendawan.

"Kursus menanam cendawan kami sediakan kepada orang ramai melalui agensi kerajaan atau perseorangan.

"Selain itu, kami juga menyediakan khidmat nasihat kepada pengusaha cendawan," katanya.

Berkongsi cerita di sebalik kejayaannya itu, Ahmad Mokhtar berkata, beliau mula menanam cendawan selepas menamatkan perkhidmatan dalam pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia(TLDM) pada 2017.

Katanya, cendawan yang diusahakannya ialah cendawan jenis tiram dan kukur.

"Buat masa sekarang ini, tumpuan diberikan kepada pengeluaran cendawan tiram dan sisir untuk pasaran segar selain menampung bekalan untuk produk dihasilkan.

"Ketika ini saya mampu hasilkan lebih satu tan cendawan tiram semusim (tiga bulan) dan 100 kilogram cendawan sisir sebulan dengan harga yang baik dan stabil," katanya.

Menurutnya, beliau mengusahakan tanaman itu dengan modal sendiri tanpa sebarang pinjaman.

Dari segi pemesinan pula, Ahmad Mokhtar berkata, beliau dibantu oleh jabatan pertanian dan peladang daerah.

"Dulu, penanaman cendawan ini diusahakan di belakang rumah dan isteri saya menjualnya.

"Sekarang ini, saya sudah mempunyai beberapa buah rumah cendawan dan 12 pekerja," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kejayaan dikecapi pada hari ini turut melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk Jabatan pertanian dan Peladang daerah Pekan.



Murtabak cendawan Siffu Mushroom yang dikeluarkan oleh Pekan Mushroom.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/7/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |

# Bedah siasat tiga bangkai kucing

**Kuala Lumpur:** Tiga bangkai kucing yang dibunuh dengan kejam di dalam mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong, di sini, sudah dihantar ke Makmal Veterinar Salak Tinggi untuk bedah siasat.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dalam satu kenyataan semalam berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan lanjut berhubung kejadian itu.

Menurutnya, pegawai penguat kuasa JPV Selangor juga sudah menahan orang yang disyaki (OYDS) pada jam 12.15 tengah malam Ahad lalu.

"Perintah reman ke atas orang yang disyaki diperoleh dari Mahkamah Selayang selama empat hari mulai semalam (kelmarin) sehingga 16 Julai ini.

"Barang kes iaitu tiga karkas (bangkai) kucing diambil Pegawai Penyiasat JPV dan dihantar ke Makmal Veterinar Salak Tinggi untuk bedah siasat," katanya.


Lelaki tak siuman rupanya

LAPORAN Harian Metro, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/7/2020 | SINAR HARIAN | MAHKAMAH & JENAYAH | 22 |

# Suspek kes bunuh kucing direman empat hari

**PUTRAJAYA** - Bangkai tiga ekor kucing yang dibunuh kejam di dalam mesin basuh sebuah kedai dobi di Desa Aman Puri, Kepong Ahad lalu sudah dihantar ke Makmal Veterinar Salak Tinggi, Sepang untuk bedah siasat.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menerusi satu kenyataan memaklumkan, siasatan lanjut sedang dijalankan oleh pegawai penyiasat JPV.

Menurut kenyataan dikeluarkan, pegawai penguatkuasa JPV Negeri Selangor sudah menahan suspek pada jam 12.15 tengah malam Ahad lalu.

"Perintah reman ke atas suspek telah diperoleh dari Mahkamah Selayang selama empat hari sehingga Khamis ini.

"Siasatan dijalankan di bawah Subsekyen 29 (1) (e), Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) iaitu dengan kejamnya menyebabkan kesakitan dan penderitaan yang tidak sepatutnya ke atas tiga ekor kucing," menurut kenyataan itu.

*Sinar Harian* pada 12 Julai lalu melaporkan seorang lelaki bertindak kejam membunuh tiga ekor kucing dengan meletakkan haiwan itu di dalam mesin basuh di sebuah kedai dobi.




Laporan *Sinar Harian Online* 12 Julai lalu.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fisheries Dept misses target in marine zone inspection | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 15 Jul 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 7 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 123 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 343 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,029 |



# Fisheries Dept misses target in marine zone inspection

**KUALA LUMPUR:** Marine inspection by the Fisheries Department (DOF) in Malaysian Maritime Zone (ZMM) failed to achieve the target set from 2017 to 2019 as its operation vessels experienced breakdowns as well as financial constraint to carry out operation.

According to the Auditor-General's Report 2018 Series 3, during the period only 50 per cent of the patrol ships or boats were in good and ready condition while the remaining vessels suffered repeated breakdowns.

"The Key Performance Index (KPI) of the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) in ensuring at least 45 vessels in ZMM were operational daily was not met as its boats or ships experienced breakdowns," the report said.

In this regard, from 2016 to 2019, MMEA, Marine Police (PPM), Royal Malaysia Police (PDRM), Customs Department (JKDM) and Marine Customs saw 23,579 cases of smuggling with seizures worth RM1,576 million which is equivalent to estimated duties amounting to RM1,561 million.

PPM and PDRM recorded the highest smuggling cases with 18,321 cases while Customs recorded the seizures with the highest value at marine entry and exit points worth RM834 million," according to the report.

Apart from that, MMEA, PPM, PDRM and Marine Customs detained 15,619 illegal immigrants under the Immigration Act 1959/63 from 2016 to 2019.

The report also showed the highest number of illegal immigrant arrests was recorded by PPM and PDRM with 12,578 illegal immigrants from 2016 to 2019.

At the country's marine checkpoints, the immigration Department (JIM) had issued Not to Land (NTL) notices to 87,416 foreigners for various offences involving passport, visa as well as offences on prohibited immigrants. – Bernama

Powered by: isentia